

Gejala gangsterisme dalam kalangan remaja membimbangkan

Malaysia adalah negara yang menjunjung keamanan dan keharmonian sebagai teras kenegaraan bagi mencapai taraf negara yang maju dan berdaya saing. Dalam kita berusaha mengekalkan keharmonian sedia ada, terdapat beberapa gejala yang secara tidak langsung menjejaskan usaha tersebut dalam konteks norma masyarakat dan keharmonian sosial. Antaranya, gejala gangsterisme.

Hampir sering kali akhbar arus perdana melaporkan mengenai perlakuan gangsterisme membabitkan pemuda pemudi. Merujuk kepada muka depan *Berita Harian* yang bertarikh 11 April lalu, yang mengatakan 'GANGSTER REMAJA MENINGKAT' menunjukkan kepada kita semua bahawa isu ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat berdasarkan statistik

yang dikemukakan.

Suka tunjuk kekuatan

Gangsterisme adalah perlakuan seakan-akan jaguh dan suka menunjuk kekuatan dan mencabar antara satu sama lain, tidak ketinggalan juga kegiatan memeras ugut dan melakukan konfrontasi secara mental dan fizikal. Kegiatan ini sudah tentu tidak akan dilakukan secara berseorangan, tetapi berkumpulan. Setiap kali mereka berada dalam suatu kumpulan maka mereka akan merasakan begitu gagah di hadapan orang lain.

Keadaan lebih rumitkan apabila kegiatan ini turut dipelopori oleh remaja perempuan dan juga kanak-kanak. Menurut 'Thrasher' yang menjadi pelopor awal tentang kajian gangsterisme mengutarakan bahawa pada awal remaja golongan ini berkemampuan untuk mewujudkan 'gang'

ataupun persatuan. Remaja mudah terdedah dengan keadaan persekitaran dengan syarat mereka memperoleh keseronokan dalam kumpulan mereka. Beliau juga menyatakan bahawa kewujudan gangster adalah hasil daripada perkembangan sesuatu kumpulan rakan sepermainan juvana yang bertukar kepada perlakuan salah laku.

Fenomena ini menunjukkan pertambahan kejadian tidak masuk akal seperti membakar bilik guru, vandalisme, memeras ugut, penagihan dadah dan sebagainya. Kajian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan menjelaskan tentang penularan gangsterisme yang semakin berleluasa di sekolah menengah seluruh negara. Malah, yang paling membimbangkan, sekolah menengah agama yang selama ini menjadi harapan masyarakat untuk

melahirkan generasi berwibawa tidak terlepas daripada gejala ini.

Keganasan remaja sudah sampai ke tahap yang agak kronik. Kesibukan ibu bapa mencari rezeki dan kurang memberikan perhatian kepada anak-anak, kebebasan yang keterlaluan, pendedahan kepada pelbagai elemen negatif selain kurangnya pembajaan nilai murni dalam kalangan remaja, adalah antara penyebab utama.

Salahkan pemerintah

Ironinya, setiap kali perkara ini ditimbulkan, maka yang akan dipersalahkan adalah kerajaan dan pemerintah. Kononnya disebabkan tidak ada hukum hudud dan budaya hedonisme, maka perlakuan remaja semakin tidak terkawal. Hakikatnya, masalah sebegini wujud apabila ketiadaan perhatian daripada anggota masyarakat itu sendiri, bukan

kerana siasah mahupun elemen kerohanian. Jika semua anggota masyarakat ambil peduli, perlakuan kronik sebegini akan berkurangan secara drastik.

Justeru, persatuan pelajar dan lain-lain organisasi Islam mahupun badan bukan kerajaan yang bersifat islamik sangat diperlukan bagi memainkan peranan untuk bekerjasama dengan institusi awam seperti polis dan pihak sekolah bagi membincangkan hal ini secara serius, serta menyatakan konklusinya dan melaksanakannya. Ibu bapa juga dinasihatkan agar sentiasa mengawasi dan memantau aktiviti siber anak-anak supaya mereka tidak melakukan sebarang aktiviti siber yang menyalahi undang-undang.

Wan Anis Adibah Wan Nasri,
Universiti Sains Islam Malaysia